



جَائِزَةُ مُفْتِي نِجَاسِيَّةِ اِسْلَامِ غُورِ

PANDANGAN HUKUM SYARAK

MJKFNS
Kali Ke-2/2025

11 MAC 2025

**HUKUM PEMBERIAN DAN PENGAMBILAN UBAT
PRE-EXPOSURE PROPHYLAXIS (PrEP) BAGI TUJUAN PENCEGAHAN
PENYAKIT HUMAN IMMUNODEFICIENCY VIRUS (HIV)**

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali Ke-2/2025 yang Bersidang Pada 11 Mac 2025 Bersamaan 10 Ramadhan 1446h memutuskan bahawa :

- 1) Ubat *Pre-exposure Prophylaxis* (PrEP) harus diambil dan diberi kepada pasangan suami isteri yang sah bagi mengelakkan penularan penyakit *Human Immunodeficiency virus* (HIV) kepada pasangan yang belum dijangkiti dengan nasihat pegawai perubatan iaitu doktor perubatan yang berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia.
- 2) Pengambilan dan pemberian ubat *Pre-exposure Prophylaxis* (PrEP) untuk tujuan maksiat adalah haram dan dilarang.

DATO' SETIA PROF. MADYA DR. HAJI ANHAR BIN HAJI OPIR
Pengerusi
Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor